

# HERBESSER 90 SR CAPSULE

Diltiazem Hydrochloride (90mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Herbesser 90 SR
2. Bagaimana Herbesser 90 SR berfungsi
3. Sebelum menggunakan Herbesser 90 SR
4. Cara menggunakan Herbesser 90 SR
5. Semasa menggunakan Herbesser 90 SR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Herbesser 90 SR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Herbesser 90 SR

Herbesser 90 SR digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (Hipertensi) dan angina. Angina adalah sakit dada yang teruk bila otot jantung tidak menerima oksigen yang mencukupi.

## Bagaimana Herbesser 90 SR berfungsi

Herbesser 90 SR berfungsi dengan mengurangkan tegangan dan membuka ruang saluran pada saluran darah. Ini memudahkan pengedran darah kepada seluruh tubuh, menurunkan tekanan darah dan membantu menghantar lebih banyak oksigen ke jantung.

## Sebelum menggunakan Herbesser 90 SR

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai sebarang masalah jantung seperti penyekatan jantung.

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah kepada diltiazem, atau sebarang ramuan dalam ubat ini.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Herbesser 90 SR jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Herbesser 90 SR jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula mengambil ubat ini, beritahu doktor anda jika anda :

- mempunyai sebarang keadaan perubatan lain, terutamanya penyakit yang berkaitan dengan jantung anda, ataupun jika anda mempunyai hipotensi (tekanan darah rendah).
- Telah menjalani, atau merancang untuk menjalani sebarang jenis operasi dalam masa terdekat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat-ubatan boleh menyebabkan komplikasi apabila diambil bersama-sama dengan Herbesser 90 SR. Ini termasuk:

- ejen-ejen antihipertensi  
\*kesan ejen antihipertensi dipertingkatkan
- ejen *beta - blocking* atau persediaan *rauwolfia*  
\*menyebabkan kadar jantung yang lebih rendah,
- carbamazepine  
\*tahap carbamazepine darah boleh meningkat, menyebabkan lebih kesan sampingan,
- sebarang persediaan digoxin  
\*tahap digoxin darah bertambah

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Herbesser 90 SR

### - Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa, dos biasa ialah 1 kapsul dua kali sehari. Dos boleh ditambah atau dikurangkan mengikut reaksi anda terhadap ubat ini.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada

label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Herbesser 90 SR

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Herbesser 90 SR.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Herbesser 90 SR dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Herbesser 90 SR boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk: Pening, sakit kepala, ketidaksesuaian perut, loya, cirit-birit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan**

**Herbesser 90 SR**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dalam bekas yang ketat pada suhu bawah 30 ° C, dan elakkan daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Herbesser 90 SR adalah kapsul keras putih yang mengandungi manik putih

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Hydrochloride Diltiazem

- Bahan tidak aktif

Non-pareil 103, Talc,  
Polyvinylpyrrolidone K-30, Ethyl cellulose, Purified sucrose,  
Magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19920505AZ

**Pengilang**

PT. Tanabe Indonesia  
Jalan Rumah Sakit No. 104,  
Ujungberung, Bandung 40612, Indonesia

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

**Tarikh kemaskini RiMUP**

22/5/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)130515/00102